


GEMPAK

WEEKLY EDITION



GEMPAK
WRAPPED
#2024#




GEMPAK WRAPPED 2024

Tahun 2024 menjadi tahun penuh warna dengan pelbagai kisah menarik, kontroversi, dan pencapaian dari dunia hiburan global, termasuk Malaysia, Indonesia, Korea Selatan, Bollywood, dan Hollywood.

Dari perkahwinan mewah, kejayaan seni, hingga skandal dan tragedi, setiap industri mencerminkan dinamika dan cabaran unik yang menyorot perhatian dunia.

Kisah-kisah ini, sama ada inspirasi atau kontroversi, meninggalkan jejak yang akan terus diingati menjelang tahun baru 2025. - AMRI HASSAN



BAHANG SENSASI

Dunia hiburan tak lekang daripada pelbagai kisah kontroversi! Tahun ini menyaksikan kes khalwat pelakon Ruhainies dan Aliff Aziz serta kemelut yang berlanjutan melibatkan Sarah Yasmine, Bella Astillah dan beberapa nama lain menjadi perhatian netizen.

Selain itu, skandal membabitkan Jofliam dan Cik Epal menonjolkan kesan tuduhan perselingkuhan terhadap hubungan peribadi dan profesional.

Dalam arena perniagaan, FashionValet milik Vivy Yusof berdepan tekanan masyarakat selepas kerugian besar, manakala Datuk Seri Vida dan Rozita Che Wan antara nama yang terkait dengan masalah gagal bayar hutang.

Isu sosial seperti keganasan rumah tangga yang dialami Zahrita Wilson, buli di set penggambaran, dan tuduhan penyelewengan dana oleh Alif Teega dan Aisyah Hijanah menyoroti cabaran dalam perlindungan mangsa, tekanan industri kreatif serta kepercayaan masyarakat terhadap pempengaruh.

Kesemua kontroversi ini menggambarkan cabaran pelbagai dimensi yang dihadapi oleh individu terkenal dalam mengekalkan integriti, reputasi, dan keseimbangan antara kehidupan peribadi dan profesional.

SPOTLIGHT SENI KREATIF

Tahun 2024 menyaksikan kejayaan besar industri seni Malaysia di pentas tempatan dan antarabangsa.

Datuk Seri Siti Nurhaliza dinobatkan sebagai Biduanita Negara, sementara Susan Lankester dan Beto Kusyairy memenangi anugerah utama di Festival Filem Malaysia ke-33.


Dalam arena ratu cantik, Rashmita Rasindran mencatat sejarah dengan menjuarai Miss Charm 2024, manakala Sandra Lim mencapai kedudukan Top 30 di Miss Universe.

Penyanyi seperti Hael Husaini dan Ernie Zakri pula mengharumkan nama negara dengan kemenangan di Anugerah Kreatif Akademi Asia dan SCTV Awards.

Produksi tempatan filem dan drama tak kurang hebatnya! Filem Abang Adik meraih pelbagai anugerah antarabangsa termasuk Filem Terbaik di 10th Asian World Film Festival di Los Angeles dan Imaginur meraih trofi utama di FFM33. Drama One Cent Thief turut dinobatkan sebagai Drama Bersiri TV Terbaik di Anugerah Seri Angkasa.

Kejayaan ini membuktikan kualiti seni Malaysia yang terus berkembang, mengangkat nama negara ke persada dunia.





**GEMPAK
WRAPPED
#2024**



ADRENALIN SUKAN

Pada Mei, isu keselamatan atlet bola sepak Malaysia mencuri tumpuan dengan insiden berturut-turut: Akhyar Rashid disamun dan cedera, Faisal Halim diserang asid, dan cermin kereta Safiq Rahim dipecahkan. Kejadian ini mencetuskan kebimbangan serta solidariti 'Stop The Violence'.

Kejayaan kontinjen Malaysia di Olimpik Paris 2024 menyerlah dengan Lee Zii Jia, Aaron Chia, dan Soh Wooi Yik meraih gangsa dalam badminton, manakala kontinjen memukau dunia dengan busana tradisional 'The Malaya'.

Harapan emas Malaysia di Olimpik Paris 2024 musnah apabila Datuk Azizulhasni Awang tersingkir dalam acara keirin lelaki, namun beliau tetap dikenang sebagai ikon berbasikal negara.

Kisah atlet antarabangsa juga menarik perhatian antaranya aksi santai Yusuf Dikec dari Turkiye dan petinju Algeria, Imane Khelif, yang menjadi subjek kontroversi identiti gendernya.

Insiden unik juga berlaku apabila lompat galah Anthony Ammirati gagal akibat alat sulitnya tersangkut pada palang.

Keseluruhannya, 2024 menjadi tahun dinamik bagi sukan, dengan kejayaan yang membanggakan diimbangi oleh cabaran dan kontroversi yang menguji daya tahan atlet dan organisasi sukan.

ROMANSA SELEBRITI

Perkahwinan seperti Ina Naim dan Mohd Khairul Rizal, Marissa Dania dan Ahmad Aslam, serta Pevita Pearce dan Mirzan Meer menyoroti pelbagai latar belakang unik, dari majlis tertutup hingga keputusan tiba-tiba.

Kisah seperti Sarah Suhairi dan Aswad, yang berkongsi minat dalam sukan berkuda, serta Sean Lee dan Bay Doucet, yang menjalinkan hubungan cinta selama lapan tahun, memaparkan makna kesabaran dan keserasian.

Perkahwinan sederhana tetapi bermakna oleh selebriti seperti Tyra Kamaruzzaman, Kim Raymond, Shakilla Khoriri, dan Atikah Suhaime menggambarkan kebahagiaan dan komitmen, memberi inspirasi melalui kisah cinta yang pelbagai.

TAKDIR DUA HATI

Perpisahan yang melibatkan nama besar seperti Sufian Suhaimi, Adira Suhaimi, Hisyam Hamid, dan Nora Danish menjadi perbualan hangat di media.

Sebahagian pasangan memilih berpisah secara baik demi kebahagiaan anak-anak, seperti Harith Iskander dan Dr. Jezamine Lim, manakala ada juga yang kembali rujuk tetapi akhirnya berpisah semula, seperti Nora Ariffin dan Diana Danielle.

Bulan Oktober menjadi bulan yang penuh drama dengan perceraian beberapa pasangan terkenal seperti Fazura dan Fattah Amin, Que Haidar dan Linda Jasmine, serta Kaka Azraff dan Adam Azriff.

Isu-isu seperti ketidaksetiaan, pergolakan rumah tangga, dan konflik yang tidak dapat diselesaikan menjadi punca utama perpisahan.

Walaupun menyedihkan, perceraian selebriti ini turut mengingatkan bahawa kehidupan peribadi mereka tidak lari daripada cabaran biasa yang dihadapi oleh pasangan lain.

PERMATA YANG HILANG

Tahun 2024 menyaksikan kehilangan besar dalam industri seni Malaysia dengan pemergian beberapa figura penting seperti Hamdan Senario, Jafaar Onn, Datuk Ahmad Nawab, dan Datuk S. Atan.

Mereka yang pernah menghibur dan menyentuh hati rakyat Malaysia meninggalkan kekosongan yang sukar diisi.

Pemergian figura muda seperti Nidza Ahfam turut mengejutkan ramai, manakala tokoh veteran seperti Jay Jay dan Lan Zailan meninggalkan legasi yang akan terus dikenang.

Walaupun mereka telah pergi, karya dan kenangan yang ditinggalkan akan terus hidup, memberi inspirasi kepada generasi akan datang.





SENSASI KOREA

Tahun 2024 menyaksikan warna-warni dalam industri seni Korea Selatan, termasuk isu Han So Hee yang didakwa sebagai orang ketiga, Jung Woo Sung mengaku memiliki anak luar nikah, BTS Suga terlibat insiden mabuk dan pengunduran Taeil dari NCT atas tuduhan jenayah seksual. Dunia hiburan turut dikejutkan dengan kematian Song Jae Rim dan polemik lagu APT nyanyian Rose Blackpink dan Bruno Mars.

Namun, momen gemilang juga tercipta misalnya comeback G-Dragon selepas tujuh tahun dengan lagu Power, yang trending global bersama persembahannya di MAMA Awards 2024.

PANAS HOLLYWOOD

Kontroversi melibatkan P. Diddy dengan tuduhan jenayah seksual terhadap lebih 100 mangsa mencetuskan perdebatan tentang penyalahgunaan kuasa dalam hiburan. Kemunculan semula Celine Dion selepas berehat kerana masalah kesihatan menjadi sorotan positif, termasuk persembahannya di Grammy dan Olimpik Paris 2024.

Di sebalik kegemilangan, kisah sedih turut melanda, termasuk perceraian Jennifer Lopez dan Ben Affleck, serta perubahan dalam kehidupan Britney Spears selepas bercerai. Tahun ini juga menyaksikan perkahwinan dan pertunangan artis terkenal seperti Taylor Swift dan Travis Kelce, serta kehilangan besar seperti James Earl Jones dan Liam Payne yang meninggal dunia dalam insiden tragis.

GELODAK BOLLYWOOD

Tahun 2024 menyaksikan momen penting Bollywood, termasuk perkahwinan mewah Anant Ambani-Radhika Merchant bernilai RM2.7 bilion dan kejayaan global siri Heeramandi.

Di sebalik kegemilangan, terdapat insiden kecederaan selebriti seperti Salman Khan dan Shah Rukh Khan, serta kontroversi kutipan palsu filem Jigra, kematian palsu Poonam Pandey dan ancaman bunuh terhadap Salman.

KL menjadi tuan rumah konsert Bollywood besar seperti Arijit Singh dan Udit Narayan, sementara beberapa artis seperti Deepika Padukone dan Ranveer Singh menyambut cahaya mata sulung.

KHABAR DARI INDONESIA

Tahun 2024 membawa pelbagai kontroversi hiburan Indonesia, dari pengakuan peribadi Jefri Nichol hingga isu pernikahan tidak sah Rizky Febian dan Mahalini.

Kes keganasan rumah tangga Cut Intan Nabila, drama keluarga Nikita Mirzani dan pembakaran jenazah suami Jennifer Coppén, seorang mualaf, menimbulkan perdebatan hangat.

Chef Stefani Horison turut dikecam kerana menghina nasi kandar Malaysia, sementara Gus Miftah dikritik atas sikap tidak sopan.

Selebriti Pamer Gaya Hidup Mewah Tapi Terlilit Hutang

Jika dahulu kisah kehidupan mewah selebriti dunia hanya boleh dibaca dan dilihat menerusi media massa namun dengan kewujudan media sosial semuanya dapat 'ditonton' secara langsung apabila kebanyakan daripada mereka mempamerkan gaya hidup masing-masing.

Namun ada dalam kalangan selebriti melalui episod hitam apabila kehidupan mewah yang dipamer menjerat diri sendiri. Ada dalam kalangan selebriti termasuk legenda muzik dunia seperti Michael Jackson dan petinju tersohor, Mike Tyson juga terjebak dalam kancah berbelanja berlebihan sehingga terlilit hutang.

Di Malaysia antara yang masih segar dan hangat diperkatakan mengenai kehidupan mewah yang ditonjolkan rupanya tidak seindah khabar dari rupa adalah tiga selebriti ini - MALIAH SURIP



Che Ta

Berita Rozita Che Wan dan anak sulungnya, Ammar Effendy terlilit hutang Majlis Amanah Rakyat (Mara) hampir RM1 juta mengejutkan dunia hiburan apatah lagi pelakon yang terkenal dengan panggilan Che Ta itu sentiasa mempamerkan gaya hidup mewah di media sosial.

Natijahnya selepas kediaman disita, Che Te digesa menyelesaikan masalah dengan Mara kini 34 barangan yang berjumlah RM 902,012.46 miliknya akan dilelong.

Meski Che Ta yang didakwa berhutang sejak tahun 2017 itu mengatakan akan menjelaskan semua kelak, isteri Zain Saidin ini akan kehilangan aset seperti sebuah kereta SUV jenama Haval, peti sejuk, pendingin hawa, sofa, kerusiurut, televisyen dan meja makan kerana dilelong.



Vivy Yusof

Selalu menjadi idola para pengikutnya yang terpesona dengan kejayaan dan kekayaannya, hidup pengasas platform e-dagang FashionValet, Datin Vivy Yusof menjadi 'huru hara' selepas dikaitkan dengan skandal pecah amanah.

Vivy bersama suami, Datuk Fadzarudin Shah Anuar berdepan pertuduhan pecah amanah dana pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) bernilai RM8 juta, pada enam tahun lalu.

Keduanya mengaku tidak bersalah dan Vivy yang mempunyai 1.8 juta pengikut di Instagram mengatakan sudah tiba masa dia 'menutup pintu' dan berkongsi kehidupannya dengan wargamaya.



Datuk Vida

Pengasas kosmetik terkenal Datuk Seri Vida selalu mempamerkan gaya hidup mewah kepada umum menerusi penampilannya.

Terkenal dengan imej 'menjerit' dan memakai jenama mewah, Vida juga tidak terlepas dengan skandal hutang.

Pada November lalu, rumah dan empat kenderaan milik Vida disita selepas didakwa gagal melunaskan hutang sebanyak RM1,060, 285 kepada wakil syarikat Ah Design Communication.

Dan terkini, dianggarkan 727 barangan milik Vida dilaporkan akan dilelong selepas proses sitaan dibuat.



Les' Copaque Production Tampil Berani Guna Teknik Hibrid Dalam Filem 'Dongeng Sang Kancil'

Selepas kejayaan tayangan filem animasi Upin & Ipin, syarikat produksi animasi tempatan, Les' Copaque Production kini mengorak langkah dengan satu lagi filem animasi mereka iaitu 'Dongeng Sang Kancil'.

Telah mula ditayangkan di pawagam, filem 'Dongeng Sang Kancil' melakar kejayaan lebih jauh apabila ia merupakan filem animasi tempatan pertama menggunakan teknik hibrid 3D dan kesan khas 2D.

Pengasas dan Pengarah Urusan Les' Copaque, Burhanuddin Md Radzi berkata, hasil kajian pihak produksi teknik-teknik dan teknologi yang digunakan telah banyak menjimatkan waktu.

"Biasanya jika 3D, hampir tiga tahun baru siap tapi teknik ini kita mampu selesaikan hanya dalam setahun sembilan bulan, saya bertuah ada artist yang handal dan terkenal seluruh dunia, itu cukup membantu.

"Untuk makluman semua, ini merupakan julung kalinya teknik 2.5D digunakan di layar perak dengan gabungan teknik animasi tradisional iaitu lukisan 2d frame by frame dan 3d key framing animation," katanya.


Burhanuddin juga memberitahu filem produksi Les' Copaque Production ini menawarkan pengalaman sinematik luar biasa dengan cerita yang mendebarkan. Filem ini juga menyertakan lagu-lagu menghibur untuk anak-anak, yang dipastikan sesuai dengan jalan cerita.

Filem berdurasi 90 minit ini menyaksikan kisah pengembaraan seekor kancil dan mengekalkan keunikan cerita asal kancil sebagai haiwan yang bijak dan penuh dengan muslihat sehingga diangkat menjadi hakim di rimba.

'Dongeng Sang Kancil' menjadi satu-satunya filem animasi tempatan yang ditemui penonton di pawagam dan ia mengisahkan tentang Kancil yang bertekad membalas dendam atas kematian ibunya yang dibunuh kejam oleh Bayang Hitam.

Dengan bimbingan Gagak, Kancil memulakan pengembaraan penuh cabaran, berhadapan tiga pemangsa hebat: Helang Perkasa di langit, Gajah Belukar di daratan, dan Raja Buaya di sungai. Dalam usahanya, dia perlu mengatasi setiap rintangan untuk menuntut keadilan.

Namun, ancaman semakin besar apabila Bayang Hitam mengalihkan sasarannya ke Hutan Rimba, menggugat seluruh kehidupan binatang di dalamnya. Kancil mesti bertindak sebelum semuanya musnah. - ERNALISA OTHMAN





Pengarah: Jeff Fowler

Pelakon: Ben Schwartz, James Marsden, Idris Elba


Genre: Aksi

Mengisahkan pertarungan Sonic melawan musuh baru bernama Shadow, watak antagonis misteri dengan kekuatan yang berbahaya.

Dalam kisah kali ini, Sonic, Knuckles, dan Tails bersatu kembali untuk melawan ancaman terbesar yang pernah mereka hadapi.

Shadow pula bukan sekadar musuh biasa namun memiliki kemampuan unik seperti glitch dan teleportasi, membuat Sonic harus bekerja keras mencari strategi untuk mengalahkannya.

Situasi menjadi semakin sukar apabila mereka menyedari bahawa kekuatan mereka saja tidak mencukupi.



Pengarah: Upi Avianto

Pelakon: Hana Malasan, Yasamin Jasem, Egi Fedly

Genre: Seram

Sorop mengisahkan dua saudara, Hanif (Hani Malasan) dan Isti (Yasamin Jasem), yang kembali ke rumah ketika usia kecil mereka di desa terpencil untuk memulai hidup baru. Namun, mereka menghadapi kejadian menakutkan setelah kematian Pakde Khair (Egi Fedly) di hadapan mereka.

Rumah tersebut dihantui oleh roh Pakde Khair, yang semakin aktif saat waktu maghrib atau sorop. Hanif dan Isti menemui ritual terkutuk puasa sorop yang melibatkan tanah kubur, membawa mereka ke situasi yang mengancam nyawa.



Pengarah: Kalees

Pelakon: Varun Dhawan, Keerthy Suresh, Wamiqa Gabbi, Zara Zyanna, Jackie Shroff

Genre: Aksi

Mengisahkan perjalanan penuh aksi seorang bekas anggota polis, DCP Satya Verma yang memalsukan kematiannya demi melindungi puterinya, Khushi dari ancaman bahaya.

Satya hidup bersama Khushi di Kerala sebagai Baby John, namun apabila ada pihak mendapat tahu Satya masih hidup, nyawa kedua-dua beranak itu kembali terancam!

Undian Top 20 GMWA Ditutup, Siapa Bakal Calon Top 5 Pilihan Anda?

Undian fasa pertama Gempak Most Wanted (GMW) Awards 2024 kini berada di penghujungnya, dengan tarikh akhir untuk mengundi calon kegemaran anda adalah pada 28 Disember 2024.

Sebanyak 220 calon telah disenaraikan dalam Top 20 untuk 11 kategori yang dipertandingkan, dan persaingan semakin sengit di minggu terakhir ini.

Sidang media khas GMWA 2024 akan diadakan pada 15 Januari 2025 untuk mengumumkan semua calon Top 5 yang telah anda undi.

Selain itu, barisan pengacara dan senarai persembahan malam GMWA 2024 juga akan diumumkan ketika sidang media tersebut.



Selepas pengumuman Top 5, undian fasa kedua akan bermula pada hari yang sama, 15 Januari 2025 sehingga 23 Februari 2025. Fasa ini akan menjadi peluang terakhir buat peminat untuk menentukan pemenang bagi setiap kategori.

Berdasarkan kedudukan terkini undian fasa pertama, beberapa nama menunjukkan prestasi cemerlang dan berada di kedudukan teratas. Antaranya Dols Podcast, Anna Jobling, Meerqueen, Insomniacks, Nabilla Taqiyah dan Aina Abdul!

GMWA 2024 bukan sekadar satu acara tetapi satu platform untuk meraikan bakat dan kreativiti industri seni Malaysia. Dengan senarai calon dan nama-nama berbakat besar, GMWA 2024 akan menjadi acara yang bersejarah dan epik.

Pastikan anda terus mengundi untuk memastikan calon kegemaran anda berjaya membawa pulang trofi yang diidamkan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, ikuti kami di media sosial dengan tanda pagar rasmi #GMWA2024!



Curang Tanpa Niat Gantikan Andai Tiada Dia!



Selepas fenomena Andai Tiada Dia, slot Megadrama Astro Ria digantikan dengan drama rantaian Curang Tanpa Niat lakonan Mira Filzah, Syukri Yahaya dan Sharifah Sakinah.

Menurut Mira, wataknya sebagai Elina membawa perbezaan berbanding watak Ummy Nazeera di drama sebelumnya, terutama dari segi tingkat kesakitan emosi yang dialami.

'Curang Tanpa Niat' memaparkan pergolotan seorang isteri bernama Elina dalam mengharungi ketidaksetiaan dan kecurangan suaminya, Eshaal di tempat kerja.

Drama ini menentang tentang pergolotan percintaan, konflik kekeluargaan dan kecurangan yang terjadi di tempat kerja hasil daripada tidak menjaga batas antara satu sama lain.

Drama sebanyak 32 episod ini diterbitkan oleh iFabulous Art Media & Event Sdn Bhd (iFAME) dan merupakan hasil pengarah Eyra Rahman.

Drama ini dibintangi oleh Shukri Yahaya, Mira Filzah dan Sharifah Sakinah sebagai watak utama.

Baik Punya Ah Long Ke Festival Filem Antarabangsa Rotterdam

Filem arahan Datuk Afdlin Shauki, Baik Punya Ah Long, terpilih untuk tayangan perdana di Festival Filem Antarabangsa Rotterdam (IFFR) Januari 2025, di bawah program 'Limelight'.

Afdlin meluahkan rasa bangga kerana filem ini dipilih sendiri tanpa dihantar olehnya, walaupun kurang mendapat sambutan di Malaysia.

"Saya rasa perasaan saya sama dengan pengarah filem Joker sebab harapan mereka tinggi untuk filem tersebut kerana mereka buat muzikal juga," kata Afdlin.

Filem ini mengisahkan dua adik-beradik, Aloy dan Ale, yang memulakan perniagaan pinjaman wang dengan pendekatan unik, mengganggu pesaing mereka, Lan Panda. Dibintangi oleh duo komedi Zizan Razak dan Johan, ia juga menampilkan 18 lagu nyanyian para pelakon.




Keletah Lucu Anak Curi Tumpuan Showcase Misha Omar Back To Basic

Pada showcase Misha Omar Back To Basic di Jio Space, anak lelakinya, Muhammad Idris Ezzwa, mencuri perhatian dengan kemunculan pertamanya di khalayak ramai. Idris, 8, memperkenalkan Misha sebagai 'ibu terhebat' dalam bahasa Inggeris dengan fasih, mencetuskan sorakan lebih 2,000 peminat hingga tular di media sosial.

Menurut Misha, Idris tidak dipaksa tampil di pentas, malah semua kata-kata yang disampaikan adalah ilhamnya sendiri. Misha menegaskan anaknya bersekolah biasa, bukan di sekolah antarabangsa, meskipun fasih berbahasa Inggeris.

Selain Idris, malam itu turut menampilkan peminat, Hariz Fayahet, yang berduet dengan Misha dalam lagu Die With A Smile.

Konsert itu menyaksikan Misha mempersembahkan rangkaian lagu poplarnya seperti Pulangkan, Ku Seru, Bunga-Bunga Cinta, Sembunyi, Masihkah Ada Rasa Itu dan beberapa lagu cover penyanyi popular tempatan dan antarabangsa seperti Semalam (Aina Abdul), Masing-Masing (Ernie Zakri), Peluang Kedua (Nabila Razali) dan banyak lagi.



Nora Ariffin Hidupkan Kenangan Di Konsert 30 Tahun

Datuk Nora Ariffin meraikan tiga dekad dalam industri muzik melalui konsert sulungnya, 'Hanya Satu: 30 Years Journey', pada 18 Disember 2024 di PJPAC, Bandar Utama. Selama dua jam, Nora menyampaikan lagu-lagu hits seperti Rentak Jantung, Hanya Satu, dan Jentayu, di hadapan lebih 700 peminat setia.

Momen istimewa adalah segmen tribute kepada arwah suaminya, Johan Nawawi, menggunakan teknologi AI untuk menghidupkan lagu Pinta. Nora juga mengundang anak-anaknya berduet di pentas, menjadikan konsert ini penuh emosi dan keakraban.

Dianjurkan oleh syarikat Nora, Johan Nawawi Sdn Bhd, dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan MyCreative Ventures, konsert ini menjadi simbol dedikasi Nora terhadap seni muzik dan legasi yang terus dikenang.



Financial Faiz

@financialfaiz 

Kenapa Pembayaran Tanpa Tunai Jadi Pilihan Ramai?

Pembayaran tanpa tunai semakin popular di Malaysia, dengan ramai yang beralih kepada e-wallet dan kad tanpa sentuh.

Menurut Pendidik Kewangan, Financial Faiz, berikut adalah tiga sebab utama trend ini terus berkembang:

#1 Mudah dan Pantas

Hanya dengan imbasan QR atau sentuhan kad, transaksi selesai dalam beberapa saat. Tak perlu lagi beratur panjang atau menunggu baki.

#2 Lebih Selamat

Dengan ciri keselamatan seperti pengesahan biometrik dan PIN, pembayaran tanpa tunai mengurangkan risiko kecurian berbanding membawa wang tunai.

#3 Promosi dan Ganjaran

Banyak e-wallet menawarkan pulangan tunai, diskaun, dan mata ganjaran untuk setiap transaksi, menjadikannya lebih menjimatkan bagi pengguna.

Cara-Cara Memulakan Pembayaran Tanpa Tunai

#1 Muat Turun Aplikasi E-Wallet

Pilih aplikasi seperti Touch 'n Go eWallet, GrabPay, ShopeePay, atau Boost. Daftar akaun dan tambah nilai menggunakan kad debit, kad kredit, atau pindahan bank.

#2 Gunakan Kad Tanpa Sentuh

Jika anda menggunakan kad debit atau kad kredit, pastikan ia mempunyai fungsi 'contactless'. Hanya sentuhkan kad anda pada terminal pembayaran untuk menyelesaikan transaksi.

#3 Imbas Kod QR

Di kedai yang menyokong pembayaran QR, buka aplikasi e-wallet anda, imbas kod yang disediakan, masukkan jumlah bayaran, dan sahkan transaksi.

#4 Aktifkan Pembayaran Mudah Alih (Mobile Payment)

Untuk pengguna telefon pintar, sambungkan kad anda ke Apple Pay, Samsung Pay, atau Google Pay. Gunakan telefon anda untuk pembayaran di terminal tanpa tunai.

Walaupun masih ada tempat yang belum menerima pembayaran tanpa tunai, trend ini dijangka terus berkembang dengan kemajuan teknologi dan penerimaan yang lebih luas.

Jadi, adakah anda sudah bersedia untuk masa depan tanpa tunai?




Lion Statue's Unique Makeover Sparks Online Buzz

A lion statue in Taman Bulatan Piasau, Miri, Sarawak, has garnered significant online attention following a recent restoration. The repainting resulted in the lion featuring entirely black eyes and nails, with its body and tongue painted yellow and orange.

This transformation led many netizens to describe the statue as 'possessed-looking'.

One commenter humorously noted, "If this is what a lion looks like, I can sleep with it. Besides, it doesn't have fangs." Another quipped, "The reason why the lion is blind is because it stared at the sun for too long."



Joni Lynne Brings Holiday Cheer With Custom Decor


Joni Lynne, founder of Klaushaus, is a Christmas decorator who helps transform homes into festive spaces. She started her business in 2023 after decorating a friend's home with 17 Christmas trees. Klaushaus offers three packages:

Elf Essentials: Help setting up decorations you already own.

Santa's Starter Kit: Adding extra decorations to what you have.

Ultimate Christmas Kit: A complete setup with all-new decorations provided.

They also offer a Packdown Service to clean up after the holidays. Joni, who is also a bridal makeup artist, loves bringing Christmas cheer to her clients' homes with personalized designs. You can check out her work on Klaushaus' Instagram.



PUMA Launches 'Squid Game' Season 2 Collection

PUMA has launched a "Squid Game" collection inspired by the Netflix series' Season 2. The lineup includes:

Tracksuit: Teal-green design like the show's uniforms (RM399 for jacket, RM349 for pants).

Sneakers: Easy Rider (RM499) with scratch-off panels and Suede Sneakers (RM549) inspired by the pink stair room.

Accessories: Backpack (RM399), caps (RM199), and a Young-hee Doll charm.

T-Shirts: Graphic tees featuring scenes from the series (RM189).

The collection is available at PUMA stores and online. A special event at Sunway Pyramid included games and exclusive gifts.

Read full article in www.rojakdaily.com